

BH PILIH 14A 26 (emel)

# Balak, jentera RM2j dirampas

Syarikat berlesen menebang pokok Meranti, Tualang di luar kawasan dibenarkan

Oleh Adnan Mohamad  
dan Sharifah Mahsinah Abdullah  
bhkb@bharian.com.my

**K**OTA BHARU: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Jabatan Perhutanan Kelantan menahan pemilik syarikat pembalakan dan merampas 500 tan balak serta jentera bernilai kira-kira RM2 juta berdekatan Hutan Simpan Nenggiri, Gua Musang, kelmarin.

Difahamkan, rampasan terbabit adalah yang terbesar dilakukan SPRM di negeri ini sejak 2006, iaitu hasil maklumat yang diperoleh sejak tiga bulan lalu.

Turut dirampas dalam operasi kira-kira jam 2.30 petang itu ialah pelbagai jenis jentera termasuk dua jentolak dipercayai digunakan dalam kegiatan mencuri balak berkenaan.

Pengarah SPRM negeri, Nasaruddin Mohd Nor, berkata siasatan lanjut menunjukkan syarikat terbabit yang mempunyai lesen pembalakan didapati menebang balak di luar kawasan dibenarkan.

Beliau berkata, balak yang dirampas itu memang berkualiti tinggi seperti Meranti dan Tualang.

"Empat pegawai SPRM dan enam pegawai Jabatan Perhutanan yang diketuai Penolong Pegawai Daerah Gua Musang,



SEBAHAGIAN daripada balak dan peralatan (gambar kecil) yang disita di Gua Musang, semalam.

Sufian Anuar bertindak menjalankan serbuan selepas membuat pemantauan sejak Oktober lalu.

"Dalam serbuan dilakukan, pihak berkenaan menemui dua lelaki dengan beberapa lori yang dipenuhi balak dipercayai dicuri dari kawasan berdekatan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Nasaruddin berkata, selain

pemilik syarikat pembalakan itu yang berusia 66 tahun itu, seorang pekerja yang juga penduduk tempatan kini ditahan untuk siasatan lanjut.

Sementara itu, Sufian berkata syarikat terbabit diberikan lesen selama setahun untuk menjalankan kerja pembalakan dan lesennya dijangka tamat pada 2 Februari ini.

"Pemilik syarikat ini didapati melanggar syarat lesen dengan menjalankan aktiviti pembalakan di luar kawasan dibenarkan kepada mereka dan mereka akan didakwa sekiranya siasatan terperinci mendapati mereka bersalah," katanya.

Dalam perkembangan sama sumber memberitahu pihak SPRM akan meneruskan sia-

satan terhadap beberapa lagi syarikat pembalakan di Gua Musang bagi memastikan mereka mematuhi peraturan yang ditetapkan.

"Pihak suruhanjaya juga akan memantau kemungkinan wujudnya kebarangkalian berlakunya rasuah atau salahguna kuasa dalam aktiviti pembalakan di Kelantan" katanya.

GAMBAR IHSAN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA